

# Tanah kurang 0.4 hektar boleh pecah geran

um 9  
2/1/08

PADANG BESAR 1 Jan. - Pemilik-pemilik lot tanah di negara ini yang mempunyai nama bersama dalam satu geran tanah kini boleh membuat pecah-bahagi atau 'pecah geran' walaupun keluasan tanah milik mereka kurang daripada satu ekar (0.4 hektar).

Langkah itu boleh dilakukan berikutan pindaan Kanun Tanah Negara mengikut Seksyen 140-143(a) bertajuk Pecah-Bahagi (partition) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada persidangan terakhir tahun 2007.

Pindaan itu juga telah diluluskan oleh Dewan Negara dan akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangani dan diluluskan sebelum diwartakan sebagai undang-undang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid ketika mengumumkan perkara itu berkata, pindaan tersebut dibuat bagi membolehkan tanah-tanah pertanian khususnya di dalam bandar yang lama terbiar dapat dibangun dan dimajukan.

"Pindaan ini besar maknanya kepada pemilik-pemilik tanah pertanian khususnya tanah milik bumiputera dan tanah rezab bumiputera di kawasan bandar yang tidak dapat dimajukan. Tanah itu dibiarkan begitu sahaja dan akhirnya menjadi tanah terbiar.

"Dengan pindaan ini, pemilik yang mempunyai tanah kurang daripada satu ekar mengikut geran bersama sudah boleh membuat geran sendiri atau 'pecah geran' tanpa mendapatkan persetujuan daripada pemilik lain," katanya.

Azmi yang juga Ahli Parlimen Padang Besar bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang 2007 bagi kawasan Parlimen Padang Besar di sini hari ini.

## PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar ..... UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh ..... 02.01.2008  
Muka Surat ..... 9  
Perkara .....